



INFO@KPKM

CUKUP DAN TERJAMIN

AMERIKA SYARIKAT TAWAR LATIHAN DALAM BIDANG PERTANIAN KEPADA MALAYSIA

1 MAC 2023 | MASJID TANAH, MELAKA



makanan melalui penggunaan teknologi pintar dan kecerdasan buatan (AI).

Amerika Syarikat menyatakan komitmennya dengan menawarkan pelbagai program latihan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang pertanian yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia.

Kedua-dua negara turut bersedia untuk memperkukuh kerjasama perdagangan dalam sektor pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Amerika Syarikat merupakan rakan dagang pertanian berpotensi tinggi untuk terus diperkembang. Berdasarkan rekod, terdapat peningkatan nilai dagangan pertanian antara Malaysia dengan Amerika Syarikat bagi tempoh Januari hingga November 2022 iaitu sebanyak RM13.24 bilion berbanding RM12.55 bilion pada tahun 2021.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KPKM serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Malaysia.



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Brian D. McFeeters, Duta Besar Amerika Syarikat di Malaysia di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Pertemuan kali pertama antara kedua-dua pemimpin ini adalah bagi memperkukuh hubungan dua hala dalam bidang pertanian yang telah lama terjalin.

Antara perkara yang dibincangkan adalah isu sekuriti makanan dan kerjasama teknikal yang merupakan isu global. Oleh yang demikian, pentingnya kedua-dua negara bekerjasama untuk meningkatkan penghasilan



TURKIYE RAKAN DAGANG PERTANIAN BERPOTENSI TINGGI

1 MAC 2023 | MENARA LPP KUALA LUMPUR


YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Emir Salim Yüksel, Duta Besar Turkiye di Malaysia bertempat di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Pertemuan kali pertama ini bagi membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian terutamanya dalam bidang pertanian moden dan penyelidikan pertanian.

Turkiye bersedia menawarkan sumber daging, ayam dan produk ayam, madu dan buah-buahan untuk dieksport ke Malaysia.

Selain itu, Turkiye juga bersedia berkongsi kepakarannya dalam bidang teknologi pertanian moden dan mekanisasi untuk membantu industri pertanian Malaysia.

Turkiye merupakan rakan dagang pertanian yang berpotensi tinggi untuk Malaysia. Berdasarkan rekod, perdagangan dalam sektor pertanian antara Malaysia dan Turkiye adalah berjumlah RM6.14 bilion bagi tempoh Januari sehingga November 2022.



KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI PUSPANITA CAWANGAN KPKM KEPADA PENAUNG PUSPANITA CAWANGAN KPKM

1 MAC 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Pengurusan Tertinggi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang diketuai oleh YBhg. Datin Wan Razanawani binti Wan Zakaria, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPKM mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Datin Seri Normah binti Alwi, Penaung PUSPANITA Cawangan KPKM di Wisma Tani, Putrajaya.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pengurusan tertinggi PUSPANITA KPKM termasuk AJK Tertinggi untuk bersuai kenal dengan YBhg. Datin Seri selaku Penaung PUSPANITA KPKM. Selain itu, Penaung PUSPANITA KPKM dan pengurusan tertinggi PUSPANITA KPKM turut mengadakan lawatan ke gerai-gerai jualan sempena Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) anjuran FAMA di Pekarangan Wisma Tani, Putrajaya.



6 MAC 2023 | MENARA LPP KUALA LUMPUR

RM1.6 BILLION MANFAAT KEPADA PESAWAH PERKUKUH INDUSTRI PADI BERAS NEGARA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Belanjawan 2023 menerima sejumlah RM1.6 bilion penyaluran pelbagai subsidi dan insentif seperti harga padi, baja padi dan padi huma bagi mengurangkan beban kos sara hidup pesawah selain memastikan kelangsungan pengeluaran padi dan beras negara sentiasa terjamin.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, berkata selaras dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), peningkatan kapasiti pengeluaran dan pengurangan bergantung kepada sumber import merupakan agenda keterjaminan makanan dan akan terus diberi penekanan melalui beberapa inisiatif terutamanya yang memberi manfaat kepada para pesawah di seluruh negara selain memperkukuh industri padi beras negara.

YB Menteri KPKM mengadakan lawatan kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor bagi meninjau sendiri program dan aktiviti yang dijalankan di kawasan berkenaan melibatkan tiga kawasan parlimen iaitu Sabak Bernam, Sungai Besar dan Tanjung Karang di Selangor.

MAJLIS PENYERAHAN RUMAH NELAYAN DI BAWAH PROJEK PENEMPATAN SEMULA NELAYAN NEGERI MELAKA

9 MAC 2023 | MASJID TANAH, MELAKA



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan Majlis Penyerahan Rumah Nelayan di bawah Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Negeri Melaka di Masjid Tanah, Melaka.

Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui KPKM dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi membangunkan penempatan semula nelayan dengan prasarana asas yang selesai.

Projek Perumahan Semula Nelayan Kuala Sungai Baru Ilir, Masjid Tanah telah dimulakan pada 2014 dan siap sepenuhnya pada Disember 2022.

Sebanyak 60 unit rumah jenis berkembar (Semi-D) telah dibina di atas tanah berkeluasan 13.86 ekar dalam Mukim Sungai Baru Ilir, Daerah Alor Gajah, Melaka. Projek ini memberi manfaat kepada 60 orang nelayan di sekitar negeri Melaka yang memenuhi syarat-syarat kelayakan.

Kerajaan Negeri turut komited dalam memastikan projek perkampungan ini selesai dibina demi kesejahteraan para nelayan di negeri Melaka serta dapat merealisasikan impian nelayan yang bakal menduduki rumah ini menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti.

KPKM melalui LKIM juga telah melaksanakan pelbagai projek infrastruktur yang memberi kemudahan kepada golongan nelayan menjalankan aktiviti perikanan antaranya kompleks atau jeti pendaratan, pancang bot, balai nelayan, wakaf, stor 1 enjin dan lain-lain. Kemudahan ini dapat memberikan keselesaan kepada nelayan sekaligus membantu menjamin sekuriti makanan negara.

YB Menteri KPKM dalam ucapan perasmian menyeru KPKM dan LKIM khususnya supaya sentiasa peka dengan nasib dan kebajikan para nelayan, serta meneruskan bantuan dan sokongan kepada nelayan dan penternak akuakultur. Beliau memberitahu pembangunan perikanan laut dan darat perlu dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi tinggi moden serta kepelbagaian spesis kultur bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN DI ANTARA PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN BERSAMA BADAN-BADAN BERKANUN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

7 MAC 2023 | MENARA LPP, KUALA LUMPUR

Majlis memeterai perjanjian pajakan melibatkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di bawah NRECC telah berlangsung di Menara LPP, Kuala Lumpur.

Melalui perjanjian ini, semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah KPKM dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan pertanian selaras dengan fungsi masing-masing demi kepentingan rakyat. Perkara ini adalah selaras dengan agenda tata kelola yang baik atau 'good governance' Kerajaan Perpaduan pada hari ini.

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah NRECC adalah merupakan 'custodian' kepada tanah-tanah Persekutuan. Oleh itu, kerjasama antara kedua-dua Kementerian amat penting bagi menjamin bekalan makanan negara.

Pada majlis ini, perjanjian yang dimeterai melibatkan 137 lot tanah Persekutuan dengan keluasan keseluruhan 5,696.49 ekar bernilai pajakan sebanyak RM281,121.37 setahun.

Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH JASAMU DIKENANG DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

7 MAC 2023 | MASJID TANAH, MELAKA

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah Jasamu Dikenang dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang telah diadakan di Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur.

Tuan Chan Foong Hin mewakili pihak Kementerian merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh penerima anugerah dan berharap momentum kecemerlangan dalam perkhidmatan dapat diteruskan sehingga ke tempoh persaraan.

YB Timbalan Menteri KPKM turut mengingatkan agar pegawai dan kakitangan yang masih berkhidmat untuk terus memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada rakan sejawat yang lain supaya perkhidmatan awam kekal dengan mutu perkhidmatan yang terbaik dan sentiasa diyakini serta memenuhi kehendak dan jangkaan rakyat.

Beliau juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada ahli keluarga pegawai dan kakitangan LKIM yang telah meninggal dunia sepanjang tahun lalu dan mendoakan agar mereka diberikan kesabaran dalam menghadapi ujian ini.

PERSIDANGAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) KPKM 2023

9 MAC 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Persidangan AKRAB Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah diadakan di Dewan Serbaguna, Wisma Tani, Putrajaya. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM.

Seramai 33 orang pegawai telah menerima Sijil Pentauliah AKRAB dari Ibu Pejabat KPKM, DOA, DOF dan LKIM. Semua penerima telah lulus Kursus Asas PRA AKRAB dan dianugerahkan Sijil Pentauliah daripada JPA.

Dalam majlis sama, Anugerah AKRAB Individu diberikan kepada enam orang pegawai sebagai penghargaan kerana memberikan khidmat bimbingan kepada rakan sekerja. Anugerah turut diberikan kepada 22 pasangan Mentor-Menti sebagai penghargaan komitmen, kerjasama, kesungguhan dan kecekapan mereka dalam menjayakan Program Pementoran 2022.

Di samping itu, FAMA, DOF dan LPP juga menerima Anugerah AKRAB Organisasi pada majlis sama.

PENYERAHAN BANTUAN PERSEKOLAHAN ANJURAN AGROBANK

13 MAC 2023 | SHAH ALAM, SELANGOR

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyempurnakan Program Kembali ke Sekolah dan Penyerahan Bantuan Persekolahan kepada 200 orang pelajar anjuran Agrobank yang berlangsung di Shah Alam, Selangor.

Program Bantuan Wang Persekolahan 2023 ini merupakan salah satu inisiatif di bawah badan tanggungjawab sosial korporat (CSR) Agrobank bagi membantu golongan sasar mengikut kategori keluarga berpendapatan rendah (B40), ibu tunggal dan anak-anak yatim.

Seramai 200 orang pelajar daripada 10 buah sekolah mendapat manfaat melalui program ini dengan menerima bantuan wang persekolahan sebanyak RM150 setiap seorang dan kelengkapan persekolahan seperti beg sekolah dan botol air.

Pelajar yang hadir turut didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan melalui Program Cilik Wang (PCW) yang bertujuan untuk menyemai tabiat menabung dalam kalangan generasi muda.



MAJLIS KONVOKEYSYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN 2023

16 MAC 2023 | PICC, PUTRAJAYA

Majlis Konvokesyen Pertanian kali ke-11 telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

Seramai 629 graduan berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang yang ditawarkan di bawah Kementerian melibatkan 101 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 307 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 156 orang graduan Sijil Pertanian, 45 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 20 orang graduan Sijil Perikanan.

Pada majlis konvokesyen tersebut, seramai enam graduan berjaya menerima lapan penganugerahan khas iaitu Anugerah Khas Pingat Emas Menteri, Anugerah Khas Ketua Setiausaha, Anugerah Khas Graduan Keusahawanan AGROBANK, Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian, Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan, Anugerah Khas Ketua Pengarah BPKLP dan Anugerah Khas Pengurus Besar MADA.

Semua graduan dipilih berdasarkan kecemerlangan dan keusahawanan yang dijayakan mengikut bidang yang mereka pelajari.

Kementerian turut mengadakan beberapa program sampingan antaranya Program Padanan Kerjaya bersama syarikat berkaitan bidang agromakanan, taklimat berkaitan pembiayaan daripada AGROBANK dan taklimat berkaitan teknologi moden dalam bidang pertanian daripada MDEC.



MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEPADA NELAYAN DI PENERANG, JOHOR

15 MAC 2023 | PENERANG, JOHOR

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Nelayan Pengerang, Johor di Kompleks LKIM Pengerang, Johor. Majlis ini turut dihadiri YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) merangkap Ahli Parlimen Pengerang.

Program bantuan ini merupakan salah satu inisiatif dan keprihatinan KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk membantu masyarakat nelayan bagi meringankan beban dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan peningkatan kos sara hidup dan musibah.

Beberapa bantuan dan inisiatif telah disampaikan antaranya Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) yang diberikan kepada 408 orang nelayan khususnya dari kawasan Pengerang dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 122,400.00 dan lesen sampan khas kepada 47 orang nelayan kategori A di Johor.

Selain itu, turut disampaikan bantuan banjir sebanyak RM200 dan 'Food Basket' bagi 10 orang nelayan yang terkesan dengan banjir serta bantuan jaket keselamatan kepada 465 orang nelayan di Pengerang, Johor.

YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut mengemukakan peruntukan sebanyak RM29 juta bagi pembinaan benteng hakisan dan kerja-kerja membuang mendapan di Kompleks LKIM Pengerang, Kota Tinggi, Johor. Inisiatif ini diharap dapat membantu nelayan memperkukuhkan industri perikanan di negeri Johor.

Kementerian sedang berusaha memajukan pengeluaran komoditi perikanan melalui kemudahan jeti pendaratan ikan, pemodenan vesel penangkapan ikan, bantuan kerajaan melalui input perikanan seperti bantuan pukat, jaket keselamatan dan lain-lain. Komuniti nelayan memerlukan teknologi yang canggih untuk memastikan pengurusan yang lebih tersusun dengan kawalan kepada stok perikanan negara.



Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-39 PUSPANITA Cawangan KPKM telah dipengerusikan oleh YBhg Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) merangkap Timbalan Pengerusi I, PUSPANITA Cawangan KPKM. **17 Mac 2023 | Wisma Tani, Putrajaya.**



YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut berkaitan peranan FAMA dalam sektor pemasaran agromakanan negara. **21 Mac 2023 | Ibu Pejabat FAMA, Selangor.**



Majlis Pelepasan Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam Pasca Banjir ke Johor telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Bulatan Putra Perdana, Putrajaya. **21 Mac 2023 | Bulatan Putra, Putrajaya.**



Taklimat berkaitan status terkini pelaksanaan projek penang south reclamation (PSR). YB Menteri KPKM dan Ketua Menteri Pulau Pinang, yang diadakan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Lumpur. **21 Mac 2023 | Menara LPP, Kuala Lumpur.**

MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA

21 MAC 2023 | MENARA LPP, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bil.1 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi bersama YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah diadakan di Menara LPP, Kuala Lumpur.


Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKE) ditubuhkan hasil daripada keputusan Jemaah Menteri pada 29 April 2020. Selaras dengan mandat YAB Perdana Menteri, bermula tahun 2023, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi telah mempengerusikan mesyuarat JKE ini bersama-sama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Dengan mandat ini, ianya sekali gus mengangkat peranan jawatankuasa ini dan menunjukkan keutamaan Kerajaan Perpaduan dalam memastikan agenda sekuriti makanan negara terus menjadi fokus penting.

Skop dan tugas utama jawatankuasa ini adalah bagi mencadangkan hala tuju sekuriti makanan, mengemukakan cadangan di peringkat Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara, mengenal pasti isu dan cabaran berkaitan sekuriti makanan negara secara menyeluruh dan mengemukakan cadangan dasar, strategi serta pelan tindakan kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara.

Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai 50 orang yang terdiri daripada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi Kerajaan, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) serta pemain industri. Jemputan turut dipanjangkan kepada Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri memandangkan peranan penting pentadbiran kerajaan negeri dalam bersama-sama mengukuhkan sekuriti makanan negara.

Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat kali ini adalah berkaitan Kertas Pembentangan Khas Struktur Tadbir Urus Sekuriti Makanan Negara dan Inisiatif Quickwins Pemantapan Produktiviti Bekalan Makanan Negara oleh KPKM, Kertas Pertimbangan bagi Pelaksanaan Program Pengawasan serta Intervensi Bekalan dan Pemasaran Agromakanan (SISDA) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Kertas Makluman bagi Kawalan Import dan Eksport Keluaran Pertanian oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta pembentangan Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).



BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI KEPADA PESAWAH DAN NELAYAN

Pemberian bantuan khas sebanyak **RM200 kepada pesawah dan nelayan** ini dijangka akan dapat memanfaatkan sebanyak **240,000 orang pesawah dan 38,500 orang nelayan** di seluruh negara.

MOHAMAD SABU
Menteri Pertanian & Keterjaminan Makanan

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin**

TAHUKAH ANDA?

SEKSYEN 14, AKTA 728 MENYATAKAN

Mana - mana orang yang mengimport melalui pintu masuk, stesen kuarantin atau premis kuarantin apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma-

- 14.(a) Dengan perosak, penyakit atau bahan cemar.
- 14.(b) Yang dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar.
- 14.(c) Yang diserang oleh perosak, penyakit atau bahan cemar.

melakukan sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau di penjara selama tidak melebihi enam tahun atau kedua duanya.

Sebarang maklumat lanjut hubungi kami di **03-8870 8000** atau emel ke feedback@maqis.gov.my

MALAYSIA MADANI **Cukup & Terjamin** www.maqis.gov.my [maqismalaysia](https://www.facebook.com/maqismalaysia)

SIDANG REDAKSI:

PENAUANG:	KETUA EDITOR:	EDITOR:	PENULIS:	GRAFIK:	JURU FOTO:	IDEA, KONSEP & TERBITAN:
YBGH. DATUK LOKMAN HAKIM ALI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN	SALMAH BINTI RAMLI	SARI NOR AMRIYAH BINTI MUHAMMAD ISA	NABILLAH BINTI ZAMRI	MUHAMMAD YASIN	UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KPKM
		NURIL MUTMAINNAH BINTI ROSLAN				